

Metro

UniSZA beri pelepasan balik mengundi

Kuala Nerus: Menyedari kepentingan menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi, pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memberi pelepasan khas kepada 4,112 penuntutnya untuk pulang mengundi, 9 Mei ini.

Malah, pengurusan me-

nambah cuti pelepasan pada 8 dan 10 Mei, selain cuti khas (9 Mei) untuk membolehkan penuntut selaku generasi Y memilih kerajaan yang layak mencorak negara.

Naib Canselor UniSZA Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi A Latif berkata, kebenaran pelepasan itu bukti

pihaknya menggalakkan penuntut menunaikan tanggungjawab mereka selaku pemilih sah.

“Walaupun mereka diberi cuti dua hari iaitu sebelum dan selepas hari mengundi, tetapi kelas tertangguh mesti diganti sebaik saja kembali ke kampus.

“Mana-mana kelas dan aktiviti pada dua tarikh itu wajib diganti semula mengikut kesesuaian jadual pengajaran disediakan pihak pengurusan,” katanya pada majlis Perasmian Seminar Pengurusan Hospital Kebangsaan 2018, di Dewan Perdana di sini, semalam.

22/4/2018